

SISTEM PENYEWAAN FASILITI MAJLIS SEHENTI

(ONE STOP EVENT RENTAL SYSTEM)

D.PRABU A/L DADAYAN

SABRINA TIUN

Fakulti Teknologi & Sains Maklumat, Universiti Kebangsaan Malaysia

ABSTRAK

Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti ini merupakan satu sistem berasaskan web yang dibangunkan untuk memudahkan pelanggan mencari, membandingkan dan membuat penyewaan keatas pakej penyewaan fasiliti majlis secara atas talian bagi mempermudah pentadbir sistem untuk menguruskan tempahan yang telah dilaksanakan oleh pelanggan. Selain itu, Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti ini juga memudahkan pentadbir sistem untuk menguruskan organisasi mereka dengan hanya memasukkan pakej-pakej penyewaan fasiliti majlis ke dalam sistem ini dan mengagihkan tugas pengurusan tempahan pakej penyewaan fasiliti majlis pelanggan kepada pengurus majlis yang telah berdaftar dibawah organisasinya. Sekiranya, dibandingkan dengan teknik penyewaan yang digunakan oleh pentadbir organisasi penyewaan fasiliti majlis menyukarkan pelanggan untuk mencari organisasi penyewaan serta mempunyai kekangan dalam membandingkan perkhidmatan yang diberi. Dari segi organisasi yang kecil pula, mereka hanya mendapatkan tempahan penyewaan fasiliti majlis daripada pelanggan yang kenal. Dengan wujudnya Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti ini, masalah pelanggan dalam pencarian dan perbandingan pakej penyewaan berserta masalah pentadbir organisasi dalam pengurusan dan pengiklanan dapat diselesaikan. Akhir sekali, sistem ini dapat dibangunkan dengan baik berpandukan dengan objektif yang telah dinyatakan di dalam tesis ini.

1.0 PENGENALAN

Seiring dengan dunia era globalisasi yang berkembang pesat dalam bidang informasi dan teknologi maklumat pada hari ini, ramai dari masyarakat yang berumur dari 15 hingga 60 tahun menggunakan platform membeli-belah dalam talian (Dato' Noh bin Omar, 2012). Kini hampir semua organisasi menggunakan platform sistem maklumat untuk menawarkan perkhidmatan yang lebih efisien kepada pengguna untuk mengakses maklumat dengan lebih meluas serta menangani perubahan perniagaan dengan cepat bagi meningkatkan produktiviti perkhidmatan yang disampaikan.

Walaupun bagaimanapun, di dunia era globalisasi ini terdapat bidang perniagaan atau perkhidmatan yang masih sukar diketahui oleh masyarakat tetapi ia mempunyai permintaan yang

tinggi daripada segelintir masyarakat. Penyewaan fasiliti majlis merupakan sejenis perkhimatan penyewaan barang-barang fasiliti yang amat dikehendaki tetapi sukar diketahui oleh masyarakat mengenai siapakah pembekal serta perkhimatan yang ditawarkan. Namun begitu, mempunyai beberapa organisasi penyewaan fasiliti majlis yang besar sering ditumpukan oleh masyarakat hingga menyebabkan industri atau organisasi kecil yang menawarkan perkhidmatan sama dengan harga berpatutan tidak diketahui sehingga menjadi muflis atau ditutup.

Mengikut statistik yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia didapati bahawa dari tahun 2008 hingga 2013 mempunyai sebanyak 1300 industri atau organisasi penyewaan fasiliti majlis telah ditutup dengan isu kekurangan permintaan kepada perkhidmatan yang Ditawarkan (KPDNKK, 2013). Oleh disebabkan isu tersebut, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia telah membuat penyelidikan dan mendapati bahawa ramai pelanggan yang ingin menyewa fasiliti majlis tidak mengetahui dimana organisasi penyewaan fasiliti majlis yang lebih dekat dan murah.

Selain daripada itu, proses penyewaan fasiliti majlis hanya dilakukan secara manual bermaksud pelanggan perlu membuat penempahan penyewaan fasiliti majlis di organisasi tersebut. Tambahan pula, sekiranya pelanggan ingin mendapatkan maklumat senarai perkhidmatan organisasi perlu terus berhubung dengan organisasi tersebut. Bagi organisasi, proses penyimpanan dan pengrekodan data pelanggan serta pengagihan tugas penyewaan fasiliti majlis merupakan satu masalah kerana dengan rekod yang hanya ditulis dalam buku sukar untuk ditafsirkan serta untuk diketahui pihak pengurus majlis yang tersedia bagi menguruskan fasiliti majlis yang disewa oleh pelanggan.

Tambahan pula, melalui penyelidikan dan pemerhatian yang telah dijalankan dari beberapa organisasi, didapati harga tawaran penyewaan fasiliti majlis bagi penyewaan fasiliti majlis adalah amat berbeza bagi setiap organisasi dan ini menyebabkan pelanggan sukar membuat perbandingan harga. Maka tidak hairanlah kebanyakan pelanggan terpaksa membayar lebih untuk mendapatkan perkhidmatan penyewaan fasiliti majlis sedangkan organisasi penyewaan fasiliti majlis lain memberi tawaran dengan harga yang lebih murah. Oleh itu, pelanggan perlu mengguna sebuah kaedah baru sesuai dengan perkembangan teknologi hari ini

bagi membantu membuat perbandingan harga penyewaan fasiliti majlis serta sebuah sistem yang menguruskan semua transaksi penyewaan fasiliti majlis sesebuah organisasi.

2.0 PENYATAAN MASALAH

Berdasarkan kajian yang telah dijalankan terhadap organisasi-organisasi penyewaan fasiliti majlis serta mentafsirkan rekod statistic oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Malaysia menunjukkan bahawa kemerosotan perniagaan hingga menyebabkan sebanyak 1300 industri atau organisasi penyewaan fasiliti majlis terpaksa ditutup, disebabkan oleh beberapa masalah bukan sahaja berpunca dari dalam organisasi malahan juga luaran organisasi yang lebih menjurus kepada isu kekurangan permintaan kepada perkhidmatan yang ditawarkan (KPDNKK, 2013).

Tambahan lagi, isu kekurangan permintaan kepada perkhidmatan bukan hanya disebabkan oleh masalah organisasi itu sendiri tetapi kebanyakan dari rakyat Malaysia masih tidak mengetahui bahawa banyak organisasi di negara ini menawarkan perkhidmatan penyewaan fasiliti majlis mengikut kehendak penyewa. Selain daripada itu, antara masalah yang dihadapi oleh organisasi dan pelanggan dalam perkhidmatan penyewaan fasiliti majlis adalah organisasi penyewaan tidak mempunyai sebarang portal atau laman sesawang untuk memaparkan maklumat dan informasi perkhidmatan yang diberi. Organisasi penyewaan masih menggunakan teknik tempahan penyewaan secara manual dari pelanggan serta menghadapi kesulitan untuk mengagihkan tugas penyewaan fasiliti majlis kepada pengurus majlis yang tersedia. Tambahan lagi, organisasi penyewaan masih menggunakan teknik penyiaran promosi dan pakej penyewaan dengan menggunakan katalog atau templat yang hanya boleh didapati dari organisasi tersebut.

Kalau dibandingkan dari segi pelanggan, mereka tidak dapat membuat perbandingan harga yang ditawarkan oleh setiap organisasi dan mengetahui siapakah yang akan menguruskan majlis mengikuti tempahan mereka.

3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Tujuan utama pembangunan sistem ini adalah untuk mengendali dan mengurus penyewaan fasiliti majlis dengan cara yang lebih cekap dan boleh dipercayai oleh pelanggan. Masalah semasa yang dihadapi oleh organisasi-organisasi penyewaan fasiliti majlis boleh diselesaikan dengan membina sebuah sistem pengurusan penyewaan fasiliti majlis yang boleh digunakan oleh organisasi penyewaan untuk mewar-warkan pakej-pakej yang hendak ditawarkan serta portfolio organisasi tersebut kepada pelanggan bagi memudahkan pencarian maklumat yang diperlukan oleh pelanggan. Tambahan lagi, sistem tersebut perlu dibangunkan dengan sebuah fungsi pencarian bagi memudahkan pencarian penyewaan fasiliti majlis mengikut kehendak pelanggan dengan mempunyai konsep perbandingan harga dalam satu pencarian.

Sistem tersebut juga perlu mempunyai fungsi pengurusan penyewaan fasiliti majlis untuk digunakan oleh organisasi penyewaan bagi mempermudah penagihan tugas kepada pengurus majlis dan mempermudah menjana rekod tempahan berserta dengan perbandingan urusniaga organisasi mengikut bulan dan tahun.


4.0 METODOLOGI

Dalam pembangunan Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehati, metodologi yang dipilih ialah Kaedah Air terjun (Waterfall). Kaedah Air terjun (Waterfall) yang dipilih ini adalah kerana dalam pembangunan sistem penyewaan fasiliti majlis mempunyai kekangan pembangunan masa yang amat singkat dimana sistem ini perlu disiapkan dalam tempoh masa 28 minggu dan dibahagikan 14 minggu untuk menyiapkan dokumen spesifikasi sistem dan 14 minggu untuk pembangunan sistem penyewaan fasiliti majlis.

Kaedah Air terjun (Waterfall) ini juga merupakan satu alternatif kepada pengurusan projek secara tradisional yang sering digunakan dalam kebanyakan pembangunan sistem. Disamping itu, kaedah Air terjun (Waterfall) juga dapat membantu jurutera perisian untuk

pembangunan perisian dengan efektif bagi menyelesaikan semua keperluan pembangunan tanpa terlepas pandang.

Penggunaan kaedah Waterfall adalah sangat sesuai kerana proses membangunkan sistem akan mengikut turutan dimana kemajuan pembangunan sistem boleh dilihat sebagai pengaliran fasa iaitu melalui fasa perancangan, fasa analisis, fasa rekabentuk sistem, fasa prototaip, fasa pengekodan, fasa pengujian sistem dan yang akhir sekali adalah fasa sokongan.



Rajah 1.0 : Kitaran Metodologi Waterfall

4.0.1 Fasa Perancangan

Fasa permulaan untuk Model Air terjun adalah amat penting bagi mengumpul maklumat dan mengenalpasti masalah yang wujud kepada pengguna. Fasa ini juga memerlukan skop projek, objektif dan kaedah untuk membangunkan sistem dikenalpasti sebelum meneruskan kepada fasa analisis. Oleh itu, diperlukan untuk mendapatkan maklumat-maklumat penting daripada pengguna sistem iaitu Pihak Pentadbiran Organisasi Penyewaan Fasiliti Majlis, Pengurus Majlis Organisasi Penyewaan Fasiliti Majlis serta pelanggan.

4.0.2 Fasa Analisis

Fasa analisis ini berperanan untuk memahami keperluan Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti dan mengenalpasti ciri-ciri yang perlu ada pada sistem. Tujuannya, adalah untuk membangunkan sebuah Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti yang dapat memenuhi keperluan dan menyelesaikan masalah pengguna. Dengan itu, mempunyai beberapa kaedah yang sesuai yang boleh diaplikasikan iaitu dengan pembacaan jurnal, pencarian sistem sedia ada melalui internet serta berdepan dengan situasi penyewaan yang sebenar di organisasi penyewaan. Oleh itu, maklumat yang dikumpulkan akan dianalisis untuk menentukan keperluan pengguna dalam pembangunan sistem.

4.0.3 Fasa Rekabentuk

Dalam fasa ini, ia terbahagi kepada dua jenis rekabentuk iaitu rekabentuk logikal dan rekabentuk fizikal. Rekabentuk logikal gabungan dari beberapa rajah iaitu Carta Aliran Data (DFD), Rajah Hubungan Entiti (ERD), rajah aktiviti dan rajah urutan sistem yang perlu dihasilkan bagi tujuan kefahaman aliran fungsi Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti. Malah, Rekabentuk fizikal merupakan reka bentuk pangkalan data dan senibina antara muka sistem yang akan dihasilkan.

4.0.4 Fasa Pembangunan dan Implementasi

Fasa ini terlibat dalam aktiviti pembangunan dan pengkodan Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti berdasarkan keperluan pengguna dan rekabentuk yang telah ditentukan pada fasa rekabentuk. Kemudiannya selepas selesai pembangunan sistem, proses pengujian akan dijalankan bagi memastikan sistem yang dibangunkan ini tidak mempunyai sebarang ralat dan berfungsi dengan baik sebelum digunakan oleh pengguna Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti.

4.0.5 Fasa Penyelenggaraan

Fasa ini merupakan fasa terakhir dalam pembangunan sistem yang akan digunakan oleh pengguna sepenuhnya. Tambahan pula, penyelenggaraan akan dilakukan apabila terdapat perubahan, penambahbaikan atau permintaan untuk meningkatkan keupayaan Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti.

5.0 HASIL KAJIAN


Pada bahagian ini akan membincang lebih terperinci berkaitan hasil daripada proses pembangunan Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati. Penerangan secara keseluruhan tentang rekabentuk dan pembangunan sistem yang telah dihasilkan dalam projek ini diperihalkan.

Dengan itu, pada Rajah 2.0 akan menerangkan lapisan rekabentuk di dalam Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati. Pada muka rekabentuk pertama iaitu Antaramuka Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati adalah paparan umum bagi semua pengguna. Pada lapisan kedua, iaitu pencarian, perbandingan dan penyewaan pakej fasilitas majlis adalah fungsi penting yang diperlukan oleh pelanggan organisasi penyewaan. Selain itu, Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati mempunyai tiga bahagian pada lapisan ketiga iaitu bahagian pertama adalah untuk fungsi sistem kepada pentadbir sistem, bahagian kedua fungsi kepada pelanggan organisasi dan bahagian ketiga fungsi sistem kepada pengurus majlis organisasi. Dalam bahagian pentadbir sistem, fungsi yang terdapat dalam sistem adalah mendaftarkan pakej penyewaan fasilitas majlis yang baru, mendaftarkan pengurus majlis, menjana rekod tempahan pelanggan dan meluluskan tempahan pelanggan mengikut kekosongan masa organisasi. Manakala, pada bahagian pelanggan, fungsi yang terdapat dalam sistem adalah membuat pencarian pakej penyewaan, membuat perbandingan pakej penyewaan, membuat tempahan pakej penyewaan, mendapatkan kelulusan tempahan, menjana invois penyewaan dan memberi maklum balas kepada tempahan pakej penyewaan yang telah selesai diuruskan oleh pengurus majlis. Akhir sekali, pada bahagian pengurus majlis, fungsi yang terdapat dalam sistem adalah mendapatkan tugas pengurusan tempahan penyewaan fasilitas majlis yang telah diluluskan oleh pentadbir sistem.




Rajah 2.0 : Rajah Reka Bentuk Antara Muka Utama
Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti

Selain daripada itu, aliran data pada setiap fungsi akan diterangkan pada Rajah 2.1. Pengguna yang menggunakan Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti ini terdapat 3 orang sahaja iaitu pentadbir sistem, pelanggan dan pengurus majlis. Tugas utama pentadbir sistem adalah dengan memasukan pakej penyewaan fasiliti majlis baru, mendaftarkan pengurus majlis, menjana laporan tempahan pelanggan dan meluluskan tempahan yang telah dilakukan oleh pelanggan. Untuk mengendalikan soalan, cadangan dan jana laporan analisis. Seterusnya, pelanggan sistem memerlukan akaun untuk memasuki ke dalam Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehenti. Pendaftaran ini diperlukan agar sistem dapat menyimpan maklumat pelanggan untuk membolehkan mereka untuk membuat penyewaan pakej fasiliti majlis, mendapatkan kelulusan tempahan dan memberi maklum balas terhadap tempahan yang telah diuruskan. Bagi pengguna ketiga sistem itu pengurus majlis hanya berkebolehan untuk mendapat tugas pengurusan tempahan pelanggan yang telah diluluskan oleh pentadbir sistem.




Rajah 2.1 : Rajah Aliran Data Paras 0
Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati


Bermula daripada Rajah 2.2 sehingga Rajah 2.5 adalah antaramuka yang terdapat dalam Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehati yang memfokuskan hanya pelanggan. Pada Rajah 2.6 sehingga Rajah 2.9 adalah antaramuka sistem yang akan digunakan oleh pentadbir sistem. Manakala pada Rajah 2.10 sehingga Rajah 2.11 adalah antaramuka sistem yang akan digunakan oleh pengurus majlis.




Rajah 2.2 : Antaramuka Utama Sistem




Rajah 2.3 : Antaramuka Pencarian Pakej Penyewaan




Rajah 2.4 : Antaramuka Senarai Tempahan Penyewaan




Rajah 2.5 : Antaramuka Senarai Memberi Maklum Balas Tempahan



Rajah 2.6 : Antaramuka Profil Pentadbir Sistem




Rajah 2.7 : Antaramuka Senarai Pakej Penyewaan Fasiliti Majlis



Rajah 2.8 : Antaramuka Senarai Pengurus
Majlis



Rajah 2.9 : Antaramuka Menjana
Laporan Penyewaan



Rajah 2.10 : Antaramuka Profil Pengurus
Majlis

| No | Customer Event Name | Customer Name | Event Type | Action |
|----|------------------------|---------------|---------------|--------|
| 1 | Majlis Perkahwinan Tat | Prabu | Wedding Event | View |

Rajah 2.11 : Antaramuka Senarai
Tugas Mengurus Majlis

6.0 KESIMPULAN

Secara kesimpulannya, Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehati ini telah berjaya dibangunkan dan mencapai objektif-objektif yang telah ditetapkan pada mulanya. Tambahan lagi, Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehati ini dapat mengurus semua proses tempahan serta penyewaan fasiliti majlis dengan mudah dan efektif kerana ia diurus menggunakan satu sistem yang sistematik. Sistem Penyewaan Fasiliti Majlis Sehati ini juga menyelesaikan pelbagai masalah pelanggan seperti menjimatkan masa, kos, tenaga kerja, kepercayaan dan yang paling utama adalah membolehkan pelanggan membuat tempahan keatas pakej penyewaan yang ideal. Justeru

itu, Sistem Penyewaan Fasilitas Majlis Sehari ini juga mewujudkan komunikasi tiga hala secara interaktif antara pelanggan, pentadbir sistem dan pengurus majlis terus di dalam sistem ini.

RUJUKAN

Judy L. Anderson, S. I., Rounds, T. & Gorney, 1992. Event rental management to simplified and event needs of user. *Event Management Simplified*.

Dato' Noh bin Omar, 2012. Statistik pembelian barang secara atas talian mengikut umur. *Jurnal Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi Malaysia Edisi 2012*.

Robert E. Pfister, Patrick T. Tierney, 1992. Rental event equipment management. *Recreation, Event, and Tourism Businesses of Start-up and Sustainable Operations*.

Dato' Seri Hamzah bin Zainudin, 2013. Kekangan serta punca kemerosotan kepada organisasi di Malaysia. *Majalah Laporan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan Edisi 2014*.

Mark Christensen., Richard H. Thayer, 2002. System Development Software Requirement. *The Project Manager's Guide to Software Engineering's Best Practices*.

Forrest Shull, Janice Singer, Dag I. K. Sjöberg, 2008. Technique to provide best questionnaire on Software Engineering. *Guide to Advanced Empirical Software Engineering*.

Parag Himanshu Dave, Himanshu Bhalchandra Dave, 2008. To provide the best algorithms for system developed in object oriented concept. *Design and Analysis of Algorithms*.

Judy L. Anderson, 2010. Processes are involved in event rental. *Event Management Simplified*.

Prof. Jalaluddin Rakhmat, 2011. Perbandingan yang selalu digunakan dalam penyewaan fasilitas majlis. *Komunika Majalah Ilmiah Komunikasi dalam Pembangunan Dan Penggunaan Sistem Komputer Edisi 2011*.

Robert Meersman, Zahir Tari, Pilar Herrero, 2008. What actually required in rental system. *On the move to meaningful Internet System: OTM 2008 Workshops.*

Brandon Turner, Heather Turner, 2015. Parental involvement in rental organization and their customer. *The Book on Managing Rental Properties: A Proven System for Finding, Screening, and Managing Tenants with Fewer Headaches and Greater Profits.*

Hanif Al Fatta, STMIK Amikom, 2014. Langkah-langkah melaksanakan pengujian terhadap sistem berasaskan web. *Analisis dan Perancangan dalam Pembangunan Sistem Informasi.*

Srinivasan Desikan, 2008. Phase and steps involve in Software Testing follow by IEEE standards. *Software Testing Principles and Practices in Web-Based Platform.*

Firkhan A., 2010. Sistem maklumat pengujian keselamatan teknologi maklumat berasaskan prinsip MSTB Malaysia. *Analisis dan Perancangan Sistem Informasi Menggunakan Model Terstruktur dan UML.*

Rajib Mall, 2009. Software and system testing life cycle models. *Software Testing Principles, Practices, and Patterns.*